

Pengiktirafan Dan Pengukuran Aset-Aset Di Majlis Agama Islam Negeri (MAIN): Amalan Dan Cabaran

Siti Alawiah Siraj¹
Marhanum Che Mohd Salleh
Maliah Sulaiman
Ahmad Zamri Osman
Nori Yani Abu Talib
Hafiz-Majdi Ab.Rashid

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
<https://doi.org/10.58458/ipnj.v08.01.02.0051>

Abstrak

Aset merupakan satu komponen penting di dalam setiap institusi termasuklah MAIN sebagai institusi yang bertanggungjawab ke atas aset WZB di Malaysia. Walaubagaimanapun, kajian-kajian terdahulu yang dilaksanakan berkaitan amalan perakaunan Majlis-Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di Malaysia hanya menumpu kepada aspek pendedahan sahaja. Kajian berkaitan pengiktirafan serta pengukuran aset-aset MAIN adalah sangat terhad. Selain daripada ketelusan MAIN mendedahkan segala maklumat berkaitan aset-aset majlis atau aset-aset yang diamanahkan sama ada melalui wakaf, zakat, atau baitulmal (WZB), dari sudut pandang perakaunan Islam, adalah amat perlu juga bagi MAIN memandang serius bagaimana aset-aset tersebut diiktiraf serta diukur dalam penyata kewangan dari perspektif Islam. Oleh yang demikian, objektif utama kajian ini adalah untuk meninjau amalan semasa MAIN mengiktiraf serta mengukur aset-aset WZB dan seterusnya mengenal pasti cabaran atau isu yang timbul di kalangan MAIN berdasarkan amalan perakaunan yang telah dipraktikkan sekian lama. Lebih penting lagi adakah amalan ini selaras dengan Syariat Islam. Secara keseluruhannya, terdapat enam kategori aset yang dinilai dalam kajian ini iaitu Hartanah, Loji dan Peralatan (PPE), Hartanah Pelaburan (IP), Inventori, Aset Pajakan, Aset Tidak Ketara (IA) dan Aset Pertanian. Kajian ini telah menggunakan kaedah triangulasi di mana penyelidik menjalankan temubual dengan pegawai-pegawai MAIN dan perbincangan kumpulan fokus, serta semakan ke atas dokumen asas iaitu Penyata Kewangan (Tahun Kewangan 2016) MAIN. Dapatan kajian mendapati kepelbagaian di dalam amalan pengiktirafan dan pengukuran enam kategori aset MAIN tersebut. Pengiktirafan aset dilakukan pada titik pengiktirafan dan nilai yang berbeza bagi setiap MAIN di dalam sampel kajian. Ini bermakna pembangunan piawaian perakaunan Islam untuk aset-aset WZB adalah perlu khususnya untuk kegunaan entiti WZB di Malaysia.

Kata kunci: pengiktirafan aset, amalan perakaunan, wakaf, zakat, MAIN

1 Penulis adalah Penolong Profesor di Kulliyah Of Economics and Management Sciences, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Artikel ini adalah sebahagian dari dapatan projek penyelidikan yang dibiayai oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Abstract

Assets are an integral component within each institution including MAIN as a responsible institution for WZB assets in Malaysia. However, previous studies conducted on the accounting practices of State Islamic Religious Councils (MAIN) in Malaysia only focused on the aspect of disclosure. Studies on recognition and measurement of assets are very limited. Apart from being transparent for MAIN in exposing all information pertaining to the assets of waqf, zakat, or baitulmal (WZB) based on the Islamic accounting perspective, it is also very important for MAIN to take a serious look at how these assets are recognized as well as measured in the financial statements from an Islamic perspective. Therefore, the main objective of this study is to review the current practice of MAIN in recognizing and measuring WZB's assets and identifying the challenges or issues arising from MAIN long-standing practice of accounting. More important is whether this practice is in line with the shariah. Overall, there are six categories of assets investigated in this study: Property, Plant and Equipment (PPE), Investment Property (IP), Inventory, Lease Assets, Intangible Assets (IA) and Agricultural Assets. This study has been using a triangulation method whereby researchers conduct interviews with relevant officers and focus group discussions, as well as reviews on basic documents such as Financial Statements (Financial Year 2016) of the related MAIN. The findings reveal the diversity in the practice of recognizing and measuring the six categories of MAIN assets. Recognition of assets is performed at different points of recognition and value for each MAIN in the sample of the study. This shows that the development of Islamic accounting standards for WZB assets is particularly necessary for the use of WZB entities in Malaysia.

Keywords: assets recognition, accounting practices, waqf, zakat, SIRC's

1.0 Pendahuluan

Kajian-kajian terdahulu yang dilaksanakan berkaitan amalan perakaunan Majlis-Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di Malaysia hanya menumpu kepada aspek pendedahan sahaja. Melalui tinjauan literatur, amat sedikit dapatan kajian telah menyumbang kepada amalan serta isu-isu berkaitan pengiktirafan serta pengukuran aset-aset MAIN. Selain daripada ketelusan MAIN mendedahkan segala maklumat berkaitan aset-aset majlis atau aset-aset yang diamanahkan sama ada melalui wakaf, zakat, atau baitulmal (WZB), dari sudut pandang perakaunan Islam, adalah amat perlu juga bagi MAIN memandang serius bagaimana aset-aset tersebut diiktiraf serta diukur dalam penyata kewangan dari perspektif Islam. Oleh yang demikian, objektif utama kajian ini adalah untuk meninjau amalan semasa MAIN mengiktiraf serta mengukur aset-aset WZB dan seterusnya mengenal pasti cabaran atau isu yang timbul dikalangan MAIN berdasarkan amalan perakaunan yang telah dipraktikkan sekian lama. Persoalan yang lebih penting ialah adakah amalan ini selaras dengan Syariat Islam. Secara keseluruhannya, terdapat enam kategori aset yang dinilai dalam kajian ini iaitu Hartanah, Loji dan Peralatan (PPE), Hartanah Pelaburan (IP), Inventori, Aset Pajakan, Aset Tidak Ketara (IA) dan Aset Pertanian. Di samping enam kategori aset tersebut, kajian ini juga meneliti isu-isu yang

berkaitan rosotnilai nilai aset yang boleh diklasifikasikan kepada dua isu iaitu rosotnilai aset penjanaan tunai dan rosotnilai aset penjanaan bukan tunai.

Sehubungan dengan itu, bagi pengiktirafan aset WZB, kajian ini akan mengkaji isu klasifikasi aset, kriteria pengiktirafan dan titik pengiktirafan. Manakala berkenaan dengan isu pengukuran aset WZB pula, kajian ini akan memberi tumpuan khusus kepada pengukuran pada tarikh titik permulaan pengiktirafan dan pengukuran berikutnya.

Struktur penulisan makalah ini telah disusun seperti berikut. Bahagian 2 menjelaskan peranan MAIN di Malaysia dan membincangkan konsep aset dari sudut konvensional dan dari perspektif Islam. Seterusnya perbincangan pengiktirafan dan pengukuran aset juga akan dibincangkan. Bahagian 3 menumpu pada metode kajian yang digunakan untuk mengumpul data bagi mencapai objektif kajian. Seterusnya, bahagian 4 menerangkan dapatan kajian yang meliputi amalan serta cabaran atau isu-isu berkaitan dengan pengiktirafan dan pengukuran. Perbincangan yang mendalam atas isu-isu tertentu akan dibuat di bahagian 5. Ia diakhiri dengan rumusan kajian di bahagian 6.

2.0 Sorotan Literatur

Sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini, amalan perakaunan MAIN yang dibincangkan dalam kajian ini adalah dari aspek pengiktirafan dan pengukuran. Walaubagaimanapun, sorotan literatur akan membincangkan maklumat ringkas mengenai peranan MAIN, konsep harta dalam dari kedua-dua perspektif konvensional dan Islam serta amalan-amalan perakaunan berkaitan harta WZB yang telah dijalankan oleh MAIN di Malaysia. Perbincangan mengenai pentadbiran Islam dan hal-hal yang berkaitan dengannya dalam kerajaan Malaysia akan membantu memperjelaskan kedudukan Islam sebagai dasar utama kerajaan dan memberikan pemahaman yang lebih baik tentang peranan serta sumbangan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan perakaunan WZB di Malaysia.

2.1 Peranan MAIN

Sebahagian besar struktur pentadbiran Islam dan hal ehwalnya di peringkat negeri adalah terdiri daripada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Sejarah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bermula dari tahun 1915 apabila Majlis Agama ditubuhkan di Kelantan untuk menyediakan pengawasan ke atas masjid-masjid. Peranan MAIN dikembangkan untuk meliputi lebih banyak isu berkaitan agama Islam seperti zakat dan wakaf. Sejak itu, setiap kerajaan negeri telah menubuhkan MAIN mengikut enakmen negeri berkaitan pentadbiran Islam dan hal ehwalnya. Sebagai struktur pentadbiran negeri, MAIN memiliki bidang kuasa yang tersendiri serta berasingan dengan kerajaan negeri. Oleh itu, MAIN bukan sebahagian daripada pentadbiran kerajaan negeri (Mahamood, 2006). Pada masa ini, MAIN memegang dua fungsi penting dalam rangka kerja pentadbiran negeri. Fungsi pertama adalah untuk membantu dan menasihati pemerintah (atau Sultan) mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Islam dan adat istiadat Melayu. Fungsi kedua adalah

untuk membangunkan dasar-dasar mengenai perkara-perkara berkaitan dengan Islam. Ini menjadikannya kuasa tertinggi dalam pentadbiran Islam dalam kerajaan negeri. Ia dinyatakan di dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Malaysia (Roff, 1998; Mahamood, 2006).

2.2 Aset Dari Perspektif Konvensional

Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (IASB) mentakrifkan aset sebagai sumber yang dikendalikan oleh entiti sebagai hasil daripada peristiwa lepas dan dari mana manfaat ekonomi masa depan dijangka akan mengalir ke entiti. Rangka kerja ini jelas menekankan kepada aspek 'kawalan'. Ini bermakna sesuatu entiti yang mempunyai 'kawalan' ke atas sesuatu aset tidak bermakna ianya mempunyai hak milik undang-undang ke atas aset berkenaan. Sebagai contoh, dalam pajakan kewangan, walaupun penyewa mempunyai kawalan ke atas faedah ekonomi yang akan diperolehi daripada penggunaan aset tersebut, pemberi sewa adalah pemilik yang sah. Oleh itu, aset boleh diiktiraf dalam penyata kewangan penyewa walaupun pemilikan aset dimiliki oleh orang lain. Ini menggambarkan penekanan kepada konsep mementingkan intipati daripada rupa bentuk (*substance over form*). Konsep ini secara khususnya meletakkan kepentingan kepada intipati transaksi ekonomi berbanding aspek undang-undang dalam usaha untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama tentang keadaan urusan syarikat. Di samping itu, rangka kerja IASB menyediakan dua kriteria tambahan sebelum sesuatu item diiktiraf sebagai aset. Yang pertama ialah faedah ekonomi kepada entiti yang mungkin dapat dibawa masuk dan yang kedua ialah kos / nilai item itu boleh diukur dengan pasti. Bagi perakaunan sektor awam pula, tambahan kriteria pengiktirafan aset adalah kemungkinan aset memberi perkhidmatan ke atas entiti berkaitan.

2.3 Konsep Harta Dalam Islam

Harta atau mal dari segi sudut bahasa adalah merujuk kepada 'apa sahaja yang dimiliki' (al-Fayruzab, 1995; Ibn Manzur, 1994). Secara teknikal, terdapat pelbagai definisi harta diberikan oleh para ilmuan terdahulu mengikut pendekatan yang berlainan oleh sarjana yang berbeza (Islam, 1999). Secara dasarnya, terdapat dua pendapat yang utama dan muftakar yang diiktiraf; pendapat ulama mazhab Hanafi dan pendapat majoriti ulama seperti mana perbincangan di perenggan seterusnya.

Pendapat Ulama' Mazhab Hanafi

Menurut pandangan Mazhab Hanafi, mal adalah terhad kepada sesuatu yang mempunyai ciri-ciri fizikal. Oleh itu, apa sahaja yang tidak mempunyai ciri fizikal, seperti manfaat (*usufructs*) dan hak, tidak dianggap sebagai harta. Pandangan ini dikemukakan oleh kebanyakan sarjana dari Mazhab Hanafi, antaranya ialah al-Sarakshi (1993, 11:79, 71:60), Ibn Nujaym (n.d, 5: 277) dan Ibnu Abidin (1992, 4: 501). Ibnu Abidin dalam menjelaskan pendirian Hanafi mengenai perkara ini, menyatakan bahawa harta benda adalah sesuatu yang menjurus kecenderungan manusia kepadanya secara *tab'i* atau semulajadi dan dapat disimpan selama jangka waktu tertentu. Menurut pandangan Mazhab Hanafi kontemporari, mal sepatutnya memenuhi ciri-

ciri berikut:

- i. Ia mempunyai ciri-ciri fizikal;
- ii. Ia boleh disimpan untuk tempoh yang panjang;
- iii. Ia boleh memberi manfaat;
- iv. Ia memberi manfaat kepada manusia.

Oleh itu, apa-apa yang tidak mempunyai ciri-ciri fizikal, seperti manfa'ah (usufruct) dan hak (haqq), tidak dianggap sebagai harta, berdasarkan pandangan majoriti ulama Mazhab Hanafi yang terdahulu. Oleh itu, definisi aset yang tidak mempunyai ciri fizikal (seperti aset tidak ketara) adalah dikecualikan daripada dikelaskan sebagai harta mengikut pendapat ulama Mazhab Hanafi. Walaubagaimanapun, terdapat segelintir ulama dari Mazhab Hanafi yang berpendapat bahawa harta benda tidak terhad kepada perkara yang nyata (fizikal) sahaja tetapi harus termasuk harta yang tidak ketara, seperti manfaat (usufruct). Al-Kasani (1986, 7: 385) dengan jelas menyatakan bahawa, mal meliputi fizikal (ayn) serta manfaat (usufruct).

Pandangan Majoriti Ulama

Majoriti ulama berpendapat bahawa mal termasuk aset ketara dan tidak ketara. Pandangan majoriti ulama' terdahulu ini adalah disepakati juga oleh sebahagian besar ulama kontemporari al-Nashmi (1998), al-Uthmani (1998), dan al-Zuhayli (1998). Selain itu, ia juga turut digunapakai oleh institusi penasihat shariah yang diiktiraf di peringkat antarabangsa seperti IFA-OIC (IDB & IFA, 2000) dan AAOIFI (2012). Di kedua-dua institusi ini, mereka telah memutuskan di Resolusi no. 43 (5/5) dari IFA-OIC dan Perkara No. 3/3/3/1 piawaian AAOIFI shariah masing-masing, bahawa aset tidak ketara adalah harta yang wujud dengan nilai monetari yang memberi hak kepada perlindungan undang-undang. Oleh yang demikian sebarang pelanggaran ke atas resolusi dan piawaian berkenaan boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Sebahagian ulama Maliki berpendapat bahawa mal adalah sesuatu yang digunakan oleh pemiliknya sahaja, jika ia memperolehnya dengan cara yang betul (Ibn Abidin, 1966). Perkara 126, Majallat al-ahkam al 'adliyyah menerangkan bahawa mal adalah 'setiap sesuatu yang diinginkan oleh manusia dan boleh disimpan untuk masa keperluan termasuk harta alih dan harta tidak alih' (muka surat 18). Definisi ini juga selari dengan pendapat Ibnu Qudhamah, salah seorang daripada ulama terkemuka Mazhab Hanbali. Al-Buhutiyy pula berpendapat harta dari segi syarak ialah sesuatu yang ada padanya manfaat yang harus selain daripada manfaat untuk hajat atau darurat (Yusuf, 1990, ms15). Maka, dapat disimpulkan bahawa ciri-ciri mal atau harta menurut pandangan majoriti ulama adalah seperti berikut:

- i. Orang menganggapnya sebagai sumber kekayaan (tamawwul).
- ii. Ia boleh mendapat manfaat dari sudut pandangan shariah.
- iii. Ia boleh diganti rugi.
- iv. Ia mempunyai nilai.

- v. Ia boleh disimpan pada bila-bila masa.
- vi. Ia termasuk harta alih dan harta tidak alih (tidak hanya kepada aspek fizikal)

Dua aspek yang agak penting dalam membahaskan tentang penakrifan mal ialah 'mampu menguasainya' dan 'boleh memanfaatkannya'. Dari sudut ekonomi pula, harta dapat difahami sebagai tiap-tiap sesuatu yang boleh dimanfaatkan dalam semua aspek sama ada boleh dinilai dengan harga dan jenis seperti tanah, pokok, barang-barang dagangan yang berharga dan semua benda yang boleh dimanfaatkan daripadanya (Ahmad Yusuf, 1990). Dalam konteks aset MAIN dan WZB, apa yang digambarkan dalam penyata kedudukan kewangan tidak terhad kepada faedah ekonomi yang dijana dan potensi perkhidmatan dihasilkan tetapi juga faedah sosial kepada masyarakat umum.

2.4 Pengiktirafan Aset

Seperti mana yang telah dijelaskan sebelum ini, aset adalah sesuatu sumber yang dikendalikan oleh entiti sebagai hasil daripada peristiwa lepas dan berupaya menjana manfaat ekonomi pada masa hadapan kepada entiti berkenaan. Juga ditekankan bahawa kerangka kerja konvensional menitikberatkan aspek 'kawalan' berbanding dengan pemilikan secara undang-undang ke atas aset. Ini menggambarkan penekanan kepada konsep mementingkan intipati daripada rupabentuk (substance over form). Konsep ini secara khususnya meletakkan kepentingan kepada intipati transaksi ekonomi berbanding aspek undang-undang dalam usaha untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama tentang urusan entiti berkaitan.

Di samping itu, kerangka kerja IASB menyediakan dua kriteria tambahan bagi pengiktirafan sesuatu item sebagai aset. Yang pertama ialah penjanaan faedah ekonomi kepada entiti yang mungkin dapat dibawa masuk dan yang kedua ialah kos/nilai item itu boleh diukur dengan pasti (IFRS, IAS 16). Bagi perakaunan sektor awam pula, tambahan kriteria pengiktirafan aset adalah kemungkinan aset berkenaan memberi perkhidmatan ke atas entiti berkaitan. Apa yang menarik dalam konteks pengiktirafan aset WZB di MAIN ialah kriteria pengiktirafan aset tidak terhad kepada penjanaan faedah ekonomi dan potensi perkhidmatan tetapi juga penjanaan faedah sosial kepada masyarakat umum. Terdapat penyata kedudukan kewangan yang melaporkan aset sosial seperti wakaf untuk masjid dan tanah perkuburan yang jelas memberi faedah sosial kepada masyarakat umum.

Pengiktirafan Aset WZB Dari Perspektif Islam

Islam mengiktiraf konsep serta peranan harta dalam masyarakat. Ia boleh dijadikan sebagai wasilah atau jalan untuk melaksanakan amalan mulia demi kemaslahatan umat manusia. Islam mengkehendaki umatnya mencari harta sebanyak yang mungkin supaya ia boleh digunakan untuk membantu golongan yang memerlukan dan dimanfaatkan ke jalan yang disarankan oleh Islam. Untuk mencapai tujuan ini, usaha untuk mengembangkan dan menguruskan harta

hendaklah dibuat sejajar dengan matlamat agama Islam (Maqasid al Shariah) iaitu untuk kemaslahatan bersama dari pelbagai aspek. Antara aspek yang telah ditekankan dalam pencapaian Maqasid al Shariah adalah pemeliharaan agama, jiwa (nyawa), akal, maruah atau keturunan, dan juga termasuk menjaga keselamatan harta. Maka jelaslah bahawa menjaga harta adalah sebahagian dari aspek penting yang dititik beratkan oleh Islam. Dalam Surah al-Hadid (ayat 7), Allah berfirman, maksudnya:

“Berimanlah kepada Allah dan RasulNya dan nafkahkanlah sebahagian daripada hartamu yang Allah telah jadikan kamu menguasainya, maka orang-orang yang beriman di antara kamu dan menafkahkan (sebahagian) daripada hartanya (nescaya) ia memperoleh pahala yang besar.”

Untuk menjelaskan kriteria pengiktirafan bagi aset-aset WZB oleh MAIN, adalah penting untuk memahami terlebih dahulu konsep pemilikan dan jenis mandat / kuasa yang diberikan kepada MAIN. Isu pertama adalah memahami konsep pemilikan dalam Islam. Pemilikan individu (Tamleek Fardi) merujuk kepada pemilikan swasta. Ia mungkin tidak berkaitan dengan MAIN yang fungsi utamanya menguruskan harta-harta awam dalam konteks kajian ini. Pemilikan kolektif (Tamleek Jama’ei) bermaksud kekayaan dimiliki oleh kumpulan tertentu. Ia boleh ditentukan mengikut syariah seperti dana zakat atau mengikut kontrak tertentu seperti wakaf. Dalam kes dana zakat, MAIN adalah ‘amil serta mempunyai kuasa untuk mengumpul dan mengagihkan dana yang dianggap sesuai. Kebiasaannya, fungsi serta tujuan dana yang diwujudkan secara berkumpulan telah ditetapkan pada awalnya. Oleh itu, MAIN mempunyai beberapa keistimewaan untuk menguruskan dana zakat, dan bukan budi bicaramutlak.

Adapun wakaf am adalah lebih jelas dari segi tujuan, iaitu untuk menjaga kepentingan umum orang Islam sehingga dapat diletakkan di bawah pengawasan baitulmal. Perbelanjaannya adalah tidak terhad sepertimana zakat walaupun ia masih perlu direkod mengikut perjanjian yang telah ditetapkan. Al-Mawardi (2005) menyatakan bahawa amalan seperti ini membolehkan baitulmal memelihara kepentingan umum umat Islam (Al-Mawardi, 1996, m/s 251; Al-Mawardi, 2005, m/s 274). Dalam konteks Baitulmal di mana tujuan kewujudannya adalah untuk kepentingan masyarakat, pemilikan am (tamleek aa’mi) juga boleh dirujuk sebagai pemilikan institusi (tamleek muassasi). Ini kerana semua aset yang dipegang oleh baitulmal harus memberi faedah kepada orang ramai walaupun aset itu sah di bawah nama baitulmal sebagai sebuah institusi. Hak untuk menguruskan segala perbelanjaan dalam pemilikan ini terletak di tangan pemimpin (Al-Mawardi, 2005, m/s 302). Berbanding dengan pemilikan kolektif, pemilikan am memberikan kuasa budi bicara yang lebih besar kepada pemimpin. Pemimpin mempunyai kelonggaran yang lebih besar terhadap penggunaan kekayaan kerana kekayaan dianggap milik baitulmal (Al-Mawardi, 1996, m/s 278). Ini juga boleh dianggap sebagai pemilikan institusi, iaitu: tamleek muassasi.

Isu kedua adalah berkaitan dengan jenis mandat dan budi bicaranya. Di samping pemilikan, MAIN juga perlu jelas mengenai apakah tujuan MAIN ditubuhkan dan apakah mandat yang berkaitan dengan pengurusan aset yang dipegang/diterima oleh mereka.

Dengan mengetahui mandat, tahap budi bicara yang diperolehi bersama mandat boleh dikenalpasti. Sebagai peraturan, budi bicara mereka yang lebih tinggi dalam menguruskan atau menggunakan aset tersebut berkemungkinan besar membolehkan ianya diiktiraf sebagai aset institusi itu sendiri, serta mempengaruhi pengurusan perakaunan.

Dalam konsep pemilikan ini, Generally Accepted Accounting Principles (GAAP) juga mempunyai perbincangan yang hampir sama yang dipanggil "pass through gift". Ia merangkumi persoalan sama ada pemberian (tunai atau aset lain) yang diberikan kepada entiti harus direkodkan sebagai hasil dan selepas itu dibelanjakan kepada penerima, atau ianya direkodkan sebagai jumlah yang dipegang bagi pihak ketiga. Pengkelasan transaksi ini bergantung kepada tahap kawalan ke atas penggunaan pemberian dan intensiti penglibatannya. Sekiranya ia hanya mempunyai sedikit kuasa mengawal dan penglibatannya juga kurang, maka ia akan dianggap sebagai urus niaga agensi (agency transactions) di mana sumber yang diterima harus dilaporkan sebagai liabiliti dan bukan pendapatan. Oleh itu, apabila jumlah itu dibelanjakan untuk penerima manfaat, ia dicatatkan sebagai pengurangan liabiliti. Secara teori, urus niaga agensi ini tidak menjejaskan aset bersih entiti tersebut kerana ianya hanya dikira sebagai 'jumlah ketika transit'.

2.4 Pengukuran

Dalam konsep konvensional, beberapa asas pengukuran yang berlainan digunakan pada tahap yang berbeza dan dalam pelbagai kombinasi dalam penyata kewangan. Ia termasuk Kos Sejarah, Kos Semasa, Nilai Penyelesaian dan Nilai Semasa. Asas pengukuran yang sering digunakan oleh entiti dalam menyediakan penyata kewangan mereka adalah kos sejarah. Ia biasanya digabungkan dengan asas pengukuran lain. Sesetengah entiti menggunakan asas kos semasa sebagai respon kepada ketidakupayaan model perakaunan kos sejarah untuk menangani kesan perubahan harga aset bukan monetari (MASB, 2010). Terdapat juga penggunaan perakaunan nilai saksama (fair value accounting) sebagai prinsip pengukuran aset dan liabiliti. Majid & Haliding (2014) berhujah paradigma perakaunan ini wajar menggantikan perakaunan kos sejarah dalam pembangunan piawaian perakaunan kerana perakaunan nilai saksama lebih relevan berbanding perakaunan kos sejarah. Ini adalah kerana perakaunan kos sejarah tidak memberi maklumat kewangan dan pendapatan sebenar urusniaga. Walaubagaimanapun, Majid & Haliding (2014) juga berhujah bahawa penggunaan nilai saksama yang merupakan nilai berdasarkan anggaran (estimation) dalam pengukuran aset dan liabiliti boleh membawa kepada ketidakpastian atau gharar. Penganggaran (estimation) subjektif nilai saksama adalah melanggar prinsip Islam kerana penentuan nilai saksama bukan pematuhan shariah dalam keadaan tertentu.

Pengukuran Aset WZB Dari Perspektif Islam

Prinsip shariah sentiasa menekankan pengukuran yang adil dan saksama. Al Qur'an telah menegaskan akan kepentingan kaedah pengukuran yang tepat. Firman Allah di dalam surah Al An'aam (6:152) seperti berikut:

وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ ۗ وَأَوْفُوا
 بِالْكَيْلِ وَالْمِيزَانِ بِالْقِسْطِ ۗ لَّا نُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۗ وَإِذَا قُلْتُمْ فَاعْدِلُوا
 وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ ۗ وَبِعَهْدِ اللَّهِ أَوْفُوا ذَٰلِكُمْ وَصَدِّكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ
 تَذَكَّرُونَ ﴿١٥٢﴾

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga ia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri); dan sempurnakanlah segala sukatan dan timbangan dengan adil”. - Kami tidak memberatkan seseorang dengan kewajiban melainkan sekadar kesanggupannya - “dan apabila kamu mengatakan sesuatu (semasa membuat apa-apa keterangan) maka hendaklah kamu berlaku adil, sekalipun orang itu ada hubungan kerabat (dengan kamu); dan perjanjian (perintah-perintah) Allah hendaklah kamu sempurnakan. Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu beringat (mematuhiNya)”.

﴿ وَإِلَىٰ مَدْيَنَ أَخَاهُمْ شُعَيْبًا ۗ قَالَ يَا قَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ
 مَا لَكُمْ مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُ ۗ وَلَا تَنْقُضُوا الْمِكْيَالَ وَالْمِيزَانَ
 إِنِّي أَرَانَكُمْ بِخَيْرٍ وَإِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ مُّحِيطٍ ﴾

Maksudnya:

Dan kepada penduduk “Madyan” Kami utuskan saudara mereka: Nabi Syuaib. Ia berkata: “Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! (Sebenarnya) tiada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya. Dan janganlah kamu mengurangi sukatan dan timbangan. Sesungguhnya aku melihat kamu berada dalam kemewahan; dan sesungguhnya aku bimbang,

kamu akan ditimpa azab hari yang meliputi (orang-orang yang bersalah).

وَيَقَوْمٌ أَوْفُوا الْمِكْيَالَ وَالْمِيزَانَ بِالْقِسْطِ وَلَا تَبْخَسُوا النَّاسَ أَشْيَاءَهُمْ
وَلَا تَعْتَوْا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ﴿٨٥﴾

Maksudnya:

Dan wahai kaumku! Sempurnakanlah sukatan dan timbangan dengan adil dan janganlah kamu kurangkan manusia akan benda-benda yang menjadi haknya, dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi.

Berdasarkan kepada ayat-ayat al-Qur'an yang telah dinyatakan di atas, bolehlah disimpulkan bahawa Islam menekankan kepada pengukuran yang adil dan saksama. Sekiranya nilai aset berkurangan disebabkan oleh sesuatu perkara yang telah berlaku, maka nilai aset tersebut perlu dinyatakan pada nilai semasa seperti mana yang diamalkan dalam pengukuran rosotnilai aset.

Antara prinsip penting syariah yang digunapakai di dalam ekonomi Islam adalah pengelakkan keraguan yang berlebihan (gharar fahish). Pada asasnya gharar boleh wujud di dalam dua keadaan. Pertama, sekiranya terdapat unsur-unsur keraguan, kebarangkalian atau ketidakpastian yang dominan dan kedua, sekiranya terdapat unsur-unsur penipuan atau kejahatan oleh satu pihak keatas pihak yang lain. Walaupun terdapat peruntukan syariah yang melarang kebarangkalian dalam usaha untuk mencapai kepastian, secara umumnya, Islam menyantuni penggunaan kebarangkalian dalam ruang lingkup pembicaraan tentang mencapai kepastian. Ini terbukti dari hakikat bahawa pertimbangan anggapan yang berlainan (ghalabat al-ẓann atau al-ẓann al-rājih) dalam keputusan syariah telah wujud di dalam sejarah undang-undang Islam. Ini berdasarkan kepada pertimbangan berikut:

- i. Pertimbangan naratif bersendirian (akhbār āḥād) dalam membuat keputusan syariah. Majoriti para ulama menerima naratif bersendirian yang tulus rantaian riwayatnya sebagai bukti dalam isu-isu fiqh walaupun terdapat ketidakpastian tentang keaslian isi riwayat;
- ii. Terdapatnya keperluan untuk pertimbangan kebarangkalian (ẓann dan ghalabat al-ẓann) dalam membuat ijtihad;
- iii. Terdapat hukum Islam yang mendukung pertimbangan kebarangkalian, sebagai contoh:

رضاحلا لاملا ةلزنم باستكلااليزنت

Bermaksud:

“Pengambilalihan masa depan diberikan keputusan hak milik sekarang.”

همكح يطعاً ءيشلا براق ام

Bermaksud:

“Sesuatu yang dekat dengan yang lain mengambil keputusannya.”

ردائل لا ءئاشلا بلاغلل ةربعلا

Bermaksud:

“Pertimbangan diberikan kepada yang dominan dan meluas, bukan yang jarang berlaku.”

- iv. Resolusi Majlis Penasihat shariah Bank Negara Malaysia, dalam mesyuarat ke-71 bertarikh 26-27 Oktober 2007, mengesahkan pematuhan shariah berdasarkan kebarangkalian.

3.0 Metodologi Kajian

Untuk mencapai objektif-objektif kajian, kaedah triangulasi telah digunakan di mana penyelidik mengumpul data menggunakan kombinasi data primer dan data sekunder. Bagi data primer, kajian telah dilaksanakan melalui pengumpulan data secara temubual dan perbincangan kumpulan fokus, manakala bagi data sekunder, dokumen asas iaitu penyata kewangan (Tahun Kewangan 2016) MAIN atau entiti yang diberikan kuasa oleh MAIN, Al- Quran, Hadis, Ijmak, Qiyas, enakmen Negeri serta perundangan sivil yang berkaitan, buku serta artikel ilmiah telah dijadikan sumber data.

Sampel kajian terdiri daripada empat (4) MAIN; iaitu MAIN A, MAIN B, MAIN C, MAIN D serta entiti-entiti yang diberi kuasa oleh MAIN berkenaan dalam mentadbirkan WZB. Setiap MAIN adalah dikodkan sebagai MAIN A, MAIN B, MAIN C dan MAIN D bagi memastikan setiap MAIN tidak boleh di kenal pasti (“cannot be identified”). Kajian ini juga melibatkan wakil-wakil institusi WZB serta pakar-pakar kewangan dan perakaunan Islam bagi mendapatkan pandangan mereka dalam mengenalpasti dan mengesahkan perakaunan dan pelaporan aset yang patuh shariah.

4.0 Dapatan Kajian

Semakan ke atas Penyata Kewangan MAIN Tahun 2016 mendapati kesemua MAIN dalam

sampel kajian kecuali MAIN C telah menggunakan Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS) untuk tujuan perakaunan dan pelaporan. MAIN C mendapat pengecualian dari pihak berkuasa untuk menggunakan MPERS pada tahun berkenaan.

Bagi tujuan perbincangan mengenai hasil kajian, ianya dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pengiktirafan dan pengukuran bagi aset wakaf, zakat dan baitulmal untuk setiap MAIN. Setiap MAIN dalam sampel kajian ini telah menggunakan perakaunan dana/Kumpulan Wang [KW] (fund accounting) termasuklah dalam perakaunan aset WZB. Perakaunan dana membolehkan perakaunan berasingan bagi setiap KW yang ditadbir oleh MAIN. Ini bermakna aset WZB di MAIN telah diambil kira dalam KW masing-masing.

4.1 Pengiktirafan Aset MAIN

MAIN A

Hanya dua kategori aset yang diiktiraf oleh MAIN A untuk tahun 2016 iaitu Hartanah, Loji dan Peralatan (PPE) dan Hartanah Pelaburan (IP). Kedua-dua kategori aset ini diakaunkan di dalam KW Pentadbiran (Baitul-mal). Pada tahun 2016 juga terdapat pengklasifikasian semula aset dari PPE ke IP berjumlah RM 4,283,939 dan RM 93,049,066 bagi tanah dan bangunan masing-masing kerana tahun tersebut adalah tahun pertama MPERS digunakan sebagai piawaian kepada amalan perakaunan dan pelaporan MAIN A. Tiada maklumat berkaitan Inventori, Aset Pajakan, Aset Tidak Ketara dan Aset Pertanian dilaporkan di dalam Penyata Kewangan Tahun 2016. MAIN A menyatakan dengan jelas dasar-dasar perakaunan yang jelas berkaitan dengan PPE dan IP dan tiada pernyataan berkaitan aset-asetlain.

Pemilikan adalah kriteria utama untuk tujuan pengiktirafan PPE yang timbul dari beberapa keadaan seperti pembelian, pemindahan hak milik tanpa transaksi pembelian seperti tanah yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan keputusan oleh mahkamah dalam hal warisan yang tidak diagihkan (i.e. faraid). Pengiktirafan aset yang dibeli atau diterima dari Pihak Berkuasa Negeri adalah dibuat setelah berlakunya pindah milik iaitu dengan terteranya nama MAIN di atas geran aset berkaitan. Manakala bagi aset faraid, pengiktirafan aset berkenaan dilaksanakan setelah penerimaan keputusan mahkamah mengenai kedudukan aset faraid berkaitan. Bagi kerja-kerja pembinaan pula, pengiktirafan adalah dibuat setelah sijil 'Certificate of Practical Completion' diterima menandakan bangunan berkenaan boleh diduduki atau digunakan untuk penajaan hasil atau pemberian khidmat.

Aset IP seperti tanah dan/atau bangunan (termasuk lantai bangunan) adalah aset yang dijangka akan terdapat peningkatan nilai atau memberikan hasil seperti hasil sewa atau kedua-duanya. Terdapat juga dasar perakaunan berkaitan PPE yang menyatakan aset yang diperolehi pada kos melebihi RM 2,000 akan dipermodalkan manakala aset yang diperolehi pada kos di bawah RM 2,000 akan dianggap sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan bermula tahun 2015.

MAIN A tiada membuat sebarang pengiktirafan untuk sebarang aset-aset bagi KW Wakaf. Walaubagaimanapun, MAIN A telah membuat pendedahan maklumat mengenai hartanah wakaf di nota akaun yang dirujuk sebagai “Nota Penjelasan Harta Wakaf”. Apa yang menarik, hartanah wakaf ini dilaporkan pada nilai pasaran semasa.

KW Zakat juga tidak membuat sebarang pengiktirafan aset. Sebarang pembelian aset untuk kegunaan asnaf atau pembangunan untuk asnaf yang dibiayai oleh KW Zakat adalah dianggap sebagai perbelanjaan (expenses) dan tidak dimodalkan. Sebagai contoh MAIN A telah membuat pembelian enjin bot untuk digunakan oleh asnaf dan enjin-enjin ini boleh diambil semula oleh MAIN A untuk di serahkan kepada asnaf yang lain pula. Enjin-enjin bot ini bernilai lebih dari RM 2,000 seunit dan telah diklasifikasikan sebagai perbelanjaan.

MAIN B

Seperti mana MAIN A, MAIN B juga hanya mengiktiraf dua kategori aset di dalam Penyata Kewangan Tahun 2016 iaitu PPE dan IP. Pengklasifikasian aset IP hanya diperkenalkan pada tahun 2016 apabila MPERS digunapakai sebagai piawaian kepada amalan perakaunan dan pelaporan MAIN B. Kedua-dua kategori aset ini telah diiktiraf sama ada di dalam KW Wakaf atau KW Baitulmal. Di dalam KW Baitulmal, pengiktirafan aset yang diterima dari Pihak Berkuasa Negeri dan pewakaf dilaksanakan setelah berlakunya pindah milik atau pemilikan efektif iaitu setelah terteranya nama MAIN di atas geran. Bagi bangunan yang di perolehi melalui pembinaan, pengiktirafan adalah dibuat setelah sijil ‘Certificate of Practical Completion’ diterima menandakan bangunan berkenaan boleh diduduki atau digunakan untuk penajaan hasil atau pemberian khidmat. Pengiktirafan aset PPE di dalam KW Baitulmal walau bagaimanapun tidak hanya terhad kepada tanah dan bangunan sahaja tetapi termasuklah alatan dan kenderaan. Pengiktirafan alatan dilakukan setelah pembayaran dibuat kepada penjual. Bagi kenderaan, pengiktirafan juga dibuat setelah pembayaran dibuat kepada penjual dengan memastikan nama MAIN tertera di atas geran kenderaan berkaitan. Tiadamaklumat berkaitan Aset Pajakan, Aset Tidak Ketara dan Aset Pertanian dilaporkan di dalam Penyata Kewangan Tahun 2016.

Walaupun bagaimanapun, semasa membuat pengumpulan data melalui perbincangan kumpulan fokus, didapati MAIN B tidak mengiktiraf dua kategori aset iaitu aset pajakan dan aset tidak ketara di dalam KW Baitulmal. Bagi aset pajakan, terdapat maklumat di dalam Penyata Kewangan mengenai kewujudan aset pajakan operasi yang sepatutnya diiktiraf di dalam KW Baitulmal. Sebagai contoh, perjanjian di antara MAIN B dan syarikat latihan penerbangan yang mempunyai terma penyewaan untuk tempoh 10 tahun telah dikategorikan sebagai pajakan operasi. Hasil sewaan tanah ini diiktiraf sebagai pendapatan sewaan. Selain itu, terdapat juga beberapa bidang tanah Baitulmal MAIN B yang telah dipajak untuk dijadikan ladang kelapa sawit dan ianya telah diiktiraf sebagai pajakan operasi. Hasil sewaan tanah ini juga diiktiraf sebagai pendapatan sewaan. Bagi aset tidak ketara pula, terdapat perisian komputer yang dibeli oleh MAIN B dari pihak vendor. Kos perolehan perisian komputer ini agak material dan MAIN B juga telah meningkatkan keupayaan sistem ini untuk memenuhi

keperluan pengurusan. Perolehan ini sepatutnya diklasifikasikan sebagai aset tidak ketara. Walau bagaimanapun, kos perolehan perisian komputer telah diiktiraf sebagai PPE di dalam penyata kewangan MAIN B dan bukan aset tidak ketara.

Bagi KW Wakaf, terdapat dua kategori aset iaitu PPE dan IP yang diiktiraf dan amalan pengiktirafan aset PPE KW Baitulmal adalah terpakai sepertimana pengiktirafan aset yang diterima dari pewakaf hanya dilaksanakan setelah berlakunya pindahmilik atau pemilikan efektif iaitu apabila terteranya nama MAIN diatas geran. Pengiktirafan pada asasnya menggunakan nilai nominal dan penilaian akan dijalankan mengikut keperluan seperti tujuan pembangunan atau istibdal. Tiada sebarang pengiktirafan aset di dalam KW Zakat.

MAIN C

MAIN C telah membuat pengiktirafan yang jelas terhadap aset PPE di dalam KW Baitulmal dan terdapat pernyataan dasar perakaunan mengenai PPE. Antaranya ialah PPE dikenakan susut nilai berdasarkan kadar yang ditetapkan oleh pengurusan kecuali tanah pegangan bebas, tanah pegangan pajakan yang belum diterima dan kerja dalam pembangunan. Kategori aset PPE termasuk tanah pegangan bebas, tanah pegangan pajak, bangunan dan penambahbaikan, kenderaan dan kelengkapan kenderaan, peralatan runcit, peralatan perladangan dan perkakas dapur dan hotel. MAIN C tiada membuat sebarang pengiktirafan aset IP atau pengelasan semula aset PPE ke IP sepertimana yang berlaku di MAIN yang lain di dalam Penyata Kewangan 2016. Ini adalah kerana MAIN C masih belum menggunakan MPERS pada tahun berkenaan sebagai piawaian dalam amalan perakaunan dan pelaporannya. Piawaian perakaunan semasa PERS tidak menuntut untuk pengiktirafan berasingan aset IP. Walau bagaimanapun, berdasarkan sesi temubual fokus bersama akauntan MAIN C, didapati MAIN C mempunyai sejumlah aset IP yang agak memberangsangkan.

Sepertimana MAIN yang lain, pengiktirafan aset yang diterima dari Pihak Berkuasa Negeri dilaksanakan setelah berlakunya pindahmilik atau pemilikan efektif iaitu setelah terteranya nama MAIN di atas geran. Bagi bangunan yang diperolehi melalui pembinaan (kerja dalam pembinaan), pengiktirafan adalah dibuat setelah sijil 'Certificate of Practical Completion' diterima menandakan bangunan berkenaan boleh diduduki atau digunakan untuk penajaan hasil atau pemberian khidmat. Pengiktirafan aset PPE di dalam KW Baitulmal seperti alatan dan kenderaan secara umumnya dilakukan setelah pembayaran dibuat kepada penjual. Bagi kenderaan, pengiktirafan juga memerlukan pemilikan efektif iaitu nama MAIN tertera di atas geran kenderaan berkaitan.

Bagi inventori, tidak ada pernyataan yang jelas mengenai dasar perakaunan bagi inventori di MAIN C. Ini mungkin disebabkan kerana inventori hanya diiktiraf oleh syarikat subsidiari dan ini dinyatakan dengan jelas di nota akaun. Berkenaan dengan pajakan, juga tidak ada pengiktirafan yang jelas sebagai item berasingan dalam penyata kewangan MAIN C. Ini mungkin disebabkan oleh dasar amalan MAIN C yang tidak memperoleh aset melalui pajakan modal. Walau bagaimanapun, satu dapatan menarik di MAIN C ialah berkaitan dengan pengiktirafan

aset biologi di dalam KW Baitulmal. Aset biologi MAIN C terdiri daripada ladang kelapa sawit dan ladang getah. Terdapat juga dasar perakaunan yang jelas untuk pengiktirafan aset biologi seperti setiap perbelanjaan yang ditanggung untuk ladang-ladang yang belum matang akan dipermodalkan dan didedahkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Manakala sebarang perbelanjaan yang ditanggung oleh ladang-ladang yang berkaitan dengan ladang yang telah matang akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan. Tiada maklumat berkaitan Aset Pajakan dan Aset Tidak Ketara dilaporkan di dalam Penyata Kewangan Tahun 2016.

Tiada sebarang pengiktirafan aset PPE wakaf di MAIN C dan sebarang perolehan aset untuk tujuan pengagihan manfaat kepada asnaf zakat tidak akan dipermodalkan di dalam KW Zakat. Ia hanya akan didedahkan di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan KW Zakat dan disenaraikan di dalam daftar aset MAIN C.

MAIN D

Semua operasi pentadbiran MAIN D adalah dibiayai oleh KW Zakat. Sehubungan dengan itu, sebahagian besar pengiktirafan aset di MAIN D seperti aset-aset PPE, IP, inventori dan aset tidak ketara adalah di dalam KW Zakat. Ini termasuklah aset-aset yang diperolehi dengan menggunakan dana KW Zakat atau aset anugerah kerajaan yang digunakan untuk tujuan asnaf. Pengiktirafan hartanah wakaf khas, tanah anugerah kerajaan dan faraid adalah di bawah KW Sumber Am. Manakala penyahiktirafan bagi tanah di bawah kategori faraid berlaku apabila tanah tersebut ditebus oleh pewaris. Sementara itu, tiada pengiktirafan hartanah wakaf am di dalam KW Wakaf. Wang terimaan Istibdal direkod sebagai liabiliti semasa di dalam Penyata Kedudukan Kewangan MAIN D sehingga penggantian dilaksanakan. Pengiktirafan aset dilaksanakan apabila berlakunya pindah milik efektif iaitu setelah pindahmilih hartanah diluluskan pihak berwajib atau penerimaan Sijil Selesai Praktikal (Certificate of Practical Completion [CPC]) bagi bangunan yang dibina sendiri oleh MAIN D.

Pengiktirafan IP terdapat di dalam KW Zakat dan KW Sumber Am. Walau bagaimanapun pengiktirafan hartanah pelaburan bagi anak syarikat MAIN D hanyalah untuk hartanah pelaburan berkaitan bangunan. Bagi inventori, pengiktirafan juga berlaku di bawah KW Sumber Am. Inventori yang diiktiraf adalah uniform sekolah yang dibeli untuk tujuan jualan kepada pelajar pra-sekolah. Bagi anak syarikat, terdapat dua kategori inventori yang diiktiraf. Pertama, inventori berkaitan bahan dan bekalan bagi tujuan proses pengeluaran dan perkhidmatan. Kedua, inventori yang dibeli bagi tujuan jualan. Titik pengiktirafan bagi inventori adalah berdasarkan kepada tarikh penerimaan inventori.

Bagi kategori aset tidak ketara, MAIN D mengiktiraf pembelian perisian komputer di bawah KW Sumber Am. Di dalam aktiviti anak syarikat, pengiktiran aset tidak ketara adalah berkaitan Lesen. Terdapat polisi perakaunan yang jelas bagi aset tidak ketara dimana jangka hayat ekonomi, kaedah rosotnilai dan penyelarasan perubahan nilai selepas penilaian semula telah dinyatakan dengan jelas. Tiada pernyataan berkaitan dengan aset pertanian dan aset pajakan.

4.2 Pengukuran Aset

MAIN A

Secara umumnya kesemua MAIN membuat pengukuran bagi PPE dan IP. Namun kaedah pengukuran berbeza bergantung pada bagaimana aset tersebut diperolehi. Bagi MAIN A, pengukuran awal PPE adalah pada kos dan pengukuran seterusnya menggunakan model kos yang dikurangkan dengan susut nilai terkumpul. Pengiraan susut nilai adalah berdasarkan hayat berguna PPE dengan kaedah garis lurus. Bagi aset tanah yang berstatus pegangan pajakan ianya disusut nilaikan mengikut tempoh pajakan, manakala tanah pegangan bebas, tidak disusutnilaikan.

Untuk IP, pengukuran awal adalah pada kos dan pengukuran seterusnya, menggunakan model kos yang dikurangkan dengan susutnilai terkumpul. Ianya menarik untuk diberi perhatian bahawa nilai saksama (fair value) jarang sekali diguna pakai. Menurut pegawai MAIN A, nilai saksama tidak digunakan sebab asas pengukuran ini agak subjektif. Walaupun MAIN A menggunakan model kos untuk pengukuran PPE dan IP, terdapat juga kes dimana aset tanah dan aset-aset lain yang dinilai semula. Kebiasaannya, penilaian semula dilakukan apabila aset tersebut seperti tanah dibangunkan untuk menjana ekonomi MAIN. Projek pembangunan ini adalah inisiatif oleh MAIN A sebagai pelaburan modal dalam projek-projek ekonomi untuk tujuan meningkatkan nilai aset dan sumber pendapatan melalui penyewaan dan penjualan bangunan yang telah siap. Biasanya projek ini melibatkan usahasama antara MAIN A dan pihak luaran untuk manfaat kolektif. Sebarang kenaikan nilai aset dari penilaian semula akan diiktiraf sebagai rizab penilaian semula aset. Ini dinyatakan dengan jelas didalam "Nota" akaun.

MAIN B

Bagi MAIN B, asas penilaian yang digunakan berkaitan dengan PPE dan IP adalah sama seperti MAIN A, iaitu model kos (dan kos dikurangkan dengan susut nilai terkumpul). Kaedah susutnilai juga serupa, yakni kaedah dasar lurus. Secara umumnya, MAIN B sentiasa menggunakan model kos untuk penilaian PPE dan IP. Walau bagaimanapun, berdasarkan temu bual, didapati MAIN B melakukan penilaian semula tanah waqaf dan baitulmal untuk tujuan dalaman. Tanah ini juga akan dinilai semula jika MAIN B memutuskan untuk menjual tanah tersebut. Bagi MAIN B, penilaian semula tanah boleh dijalankan secara berkala kerana mereka mempunyai pegawai berkemahiran tanpa memerlukan bantuan jabatan kerajaan lain (seperti yang banyak dilihat di MAIN lain).

Polisi perakaunan bagi PPE di MAIN B juga dinyatakan dengan terperinci di dalam penyata kewangan MAIN tersebut. Kadar susutnilai bagi setiap kategori aset dinyatakan dengan jelas. Di dalam polisi perakaunan bagi PPE, telah dinyatakan bahawa pelarasan terhadap penilaian tanah MAIN B dan tanah wakaf akan berubah sekiranya wujud pengambilalihan atau penyerahan balik hak pegangan. Terdapat juga item aset kerja dalam pelaksanaan. Ini

adalah merupakan pelaburan modal MAIN B di dalam projek-projek ekonomi bertujuan untuk penambahan nilai harta MAIN B dan sumber pendapatan MAIN B tersebut. Pengukurannya dibuat mengikut kos kerja pembinaan.

MAIN C

Amalan yang hampir sama juga dapat dilihat di MAIN C. Pada amnya, pengukuran pada tarikh permulaan pengiktirafan adalah pada kos, sementara pengukuran seterusnya menggunakan model kos dan pada kos tolak susut nilai terkumpul pada tahun-tahun yang berikut. Walau bagaimanapun, berdasarkan perbincangan dengan pegawai MAIN C, mereka juga melakukan penilaian semula aset untuk tujuan dalaman. Menurut pegawai ekonomi wakaf MAIN C,

“Kami tahu nilai sebenar kebanyakan aset-aset kami. Bila pihak tertinggi nak tahu tentang satu-satu aset yang khusus, kita cuba tinjau-tinjau pasaran... kita bentangkan” (Pegawai Ekonomi, MAIN C)

Ini menunjukkan bahawa, penilaian semula ada dilakukan untuk sebahagian aset tertentu walaupun mungkin bukan secara sistematik dan formal. MAIN C memerlukan nilai semasa aset dalam menguatkan hujah mereka ketika mana mereka membentangkan sebarang kertas kerja untuk mendapat kelulusan pihak tertinggi. Ia juga timbul daripada perbincangan mengenai keperluan untuk menilai semula aset disebabkan oleh kemungkinan peningkatan modal.

Kesemua jenis aset dibawah kategori PPE disusutnilaikan. Namun, ada tiga (3) jenis aset yang tidak disusutnilaikan iaitu tanah pegangan bebas, tanah pajakan dan projek dalam progres. Amalan ini serupa dengan amalan di MAIN B berkaitan dengan isu tanah pegangan bebas dan pegangan pajakan; dimana tanah pegangan bebas tidak disusutnilaikan manakala tanah pegangan pajakan disusutnilaikan mengikut tempoh tamat pajakan. Bagi kerja dalam pelaksanaan, ianya cuma mula disusutnilaikan apabila bangunan telah siap terbina.

Walaupun bagaimanapun, sebarang pemerolehan harta yang menggunakan dana zakat bagi keperluan asnaf, harta tersebut tidak akan dipermodalkan. Sebaliknya, ia cuma dikategorikan sebagai perbelanjaan sahaja. Ia hanya akan ditunjukkan pada penyata pendapatan dan perbelanjaan untuk Kumpulan Wang Zakat (KW Zakat) dan disenaraikan dalam daftar aset MAIN C. Dengan kata lain apa jua perbelanjaan yang dikeluarkan termasuk pembelian aset kekal yang mana manfaatnya dinikmati secara terus oleh asnaf, ianya tidak akan dipaparkan sebagai aset PPE. Oleh itu tiada isu pengukuran berlaku kerana bayaran bagi pemerolehan atau/dan pembinaan telah dinyatakan didalam Penyata Pendapatan pada tahun transaksi tersebut berlaku.

Dari segi inventori pula, terdapat pengiktirafan yang jelas sebagai satu “line” item di bawah aset semasa. Walau bagaimanapun, tidak ada pernyataan yang jelas diberi mengenai dasar perakaunan bagi inventori. Ini berkemungkinan disebabkan semua inventori adalah kepunyaan syarikat subsidiari. Namun pengkelasan barang inventori secara terperinci

ditunjukkan di dalam nota akaun.

Satu penemuan menarik berkaitan dengan pengiktirafan aset dalam penyata kewangan MAIN C adalah pengiktirafan aset biologi. Terdapat dasar perakaunan yang jelas untuk pengiktirafan aset biologi. Berdasarkan dasar perakaunannya, dinyatakan dengan jelas bahawa setiap perbelanjaan yang ditanggung untuk ladang yang belum matang akan dipermodalkan dan ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Bagi perbelanjaan yang ditanggung ladang-ladang yang berkaitan dengan ladang yang telah matang akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan.

MAIN D

Bagi MAIN D pula, amalan pengukuran pada titik awal pengiktirafan bagi PPE dan IP adalah berdasarkan kos. Pengukuran dalam tahun-tahun berikut bagi PPE adalah berdasarkan model kos manakala bagi IP pula adalah berdasarkan model penilaian semula. Bagi bangunan, susutnilai adalah berdasarkan kepada kaedah garis lurus. Bagi inventori, pengukuran pada titik pengiktirafan adalah berdasarkan kos. Pengukuran susulan pada tarikh pelaporan adalah berdasarkan nilai terendah di antara kos dan nilai realisasi bersih. Formula pengiraan kos adalah berdasarkan MDKD (Masuk Dulu Keluar Dulu atau FIFO).

Bagi kategori aset tidak ketara, MAIN D mengiktiraf pembelian perisian komputer di bawah KW Sumber Am. Di dalam aktiviti anak syarikat, pengiktirafan aset tidak ketara adalah berkaitan Lesen. Bagi pengukuran, titik awal pengiktirafan dan pengukuran semula adalah berdasarkan kos. Walau bagaimanapun, pengukuran pada tarikh pelaporan adalah berdasarkan nilai terendah diantara kos dan kos penggantian semasa. Sekiranya terdapat pelupusan aset tidak ketara, ia akan dinyah-iktirafkan daripada penyata kewangan. Disamping itu, terdapat juga polisi perakaunan yang jelas bagi aset tidak ketara dimana jangka hayat ekonomi, kaedah rosotnilai dan penyelararan perubahan nilai selepas penilaian semula telah dinyatakan dengan jelas.

5.0 Perbincangan

Beberapa perkara penting yang harus diutarakan bagi memahami dan menangani cabaran pengiktirafan dan pengukuran aset-aset di MAIN. Perbincangan selanjutnya tertumpu pada isu-isu berkenaan pemilikan efektif, pengiktirafan bagi setiap kumpulan wang, aset khusus untuk asnaf, penyahiktirafan, isu mengenai tujuan aset yang dipegang, kos "normal" (atau kos optima), tanah perkuburan, aset biologi dan rosotnilai.

5.1 Isu-isu Berkaitan Pengiktirafan

Pemilikan Efektif

Pemilikan efektif adalah pemilikan yang memberi mandat atau budi bicara kepada MAIN

untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai pemegang amanah atau pentadbir. Pemilikan efektif disokong oleh dokumen bertulis seperti geran pemilikan hartanah yang membuktikan MAIN sebagai pemegang amanah hartanah berkenaan. Dalam konteks pentadbiran aset WZB titik pemilikan efektif ini adalah dirujuk sebagai titik pengiktirafan aset WZB dalam perspektif perakaunan. Berdasarkan syariah, pemindahan hak milik mesti diselesaikan sebelum manfaat ekonomi aset dapat digunakan untuk tujuan yang dimaksudkan. Ini hendaklah diberi perhatian walaupun akad pewakafan (sighah) di antara pewakaf (waqif) dan MAIN sebagai mutawalli telah berlaku lebih awal semasa waqif mengisytiharkan penyerahan hartanah sebagai wakaf untuk ditadbir oleh MAIN. Dalam konteks syariah, pindah milik telah berlaku seawal berlakunya sighah di antara waqif dan MAIN sebagai mutawalli. Justeru, dalam hal perakaunan, akad pewakafan atau sighah ini dirujuk sebagai titik pengiktirafan harta berkenaan sebagai wakaf dan MAIN sebagai pemegang amanah.

Pengiktirafan Berdasarkan KW

Pengiktirafan aset WZB mengikut dana WZB masing-masing adalah sangat penting dari perspektif syariah dan juga konsep akauntabiliti pengurusan. Syariah telah menetapkan bahawa dimana pengasingan harta awam dan harta persendirian pemimpin-pemimpin atau pengasingan di antara dana swasta dan dana awam baitulmal perlu dilaksanakan agar ia dapat ditadbir dengan bijaksana mengikut hak-hak yang terdapat pada setiap dana tersebut. Amalan ini mungkin mempunyai persamaan dengan konsep entiti yang diamalkan oleh MAIN yang membezakan di antara harta persendirian pemilik dan harta perniagaan. Konsep baitulmal yang dipraktikkan dalam sejarah awal Islam, telah membezakan antara harta awam dan kekayaan persendirian pemimpin. Khususnya di MAIN, pengasingan sepatutnya dilakukan di antara dana awam yang diamanahkan keatas MAIN dan dana milik MAIN serta pengelasan dana yang berlainan seperti wakaf dan zakat.

Penubuhan diwan pada zaman Umar (ra) untuk merekod pelbagai jenis kekayaan yang diterima dan dibelanjakan oleh baitulmal adalah asas dalam menentukan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab para pemimpin. Dana wakaf dan zakat mempunyai peraturan yang berbeza dari segi penggunaan dan pengagihan yang telah ditetapkan oleh syariah, justeru diwan atau KW yang berasingan bagi setiap jenis dana ini adalah sangat diperlukan. Lebih penting lagi, oleh kerana pelbagai jenis kekayaan (dana atau Kumpulan Wang (KW)) adalah tidak mudah ditukar (fungible), dengan adanya diwan yang berasingan membolehkan para pemimpin menguruskan dana mengikut hukum syariah yang telah ditetapkan. Ketiadaan diwan yang berasingan boleh menyebabkan pelbagai jenis kekayaan bercampur (co-mingling), sehingga menjejaskan objektif dan serta manfaat shariahnya.

Aset KW Zakat Khusus Untuk Asnaf

Hukum asas wang kutipan zakat ialah ianya hendaklah diagihkan kepada asnaf. Walau bagaimanapun terdapat pendapat yang mengharuskan wang zakat digunakan untuk tujuan pelaburan sekiranya ianya mengekalkan harta zakat tersebut dan keuntungan dari pelaburan

tersebut diberikan kepada golongan asnaf zakat (rujuk Majlis Majma' al-Fiqh al-Islami kali ke-3 yang telah bersidang pada tahun 1986 di 'Amman , Jordan). Juga sekiranya pelaburan dana zakat tersebut adalah untuk tujuan fi sabilillah. Di Malaysia, terdapat beberapa MAIN melalui Majlis Fatwa negeri masing-masing telah menfatwakan keharusan menggunakan dana zakat dalam pelaburan dengan bersyarat. Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah mengharuskan penggunaan duit zakat yang berlebihan untuk masalah ammah (rujuk Fatwa yang di keluarkan pada 19 November 2002). Begitu juga dengan Majlis Agama Islam Perlis telah mengharuskan pelaburan dana zakat untuk masalah yang dikembalikan kepada asnaf (Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis Kali Ke-18/2015 Tarikh: 22-23 April 2015 / 3-4 Rejab 1436h). MAIWP juga melaksanakan pelaburan keatas dana zakat yang berlebihan untuk diserahkan semula kepada asnaf.

Penyahiktirafan

Penyahiktirafan aset boleh berlaku dalam pelbagai cara seperti jualan, pajakan kewangan ataupun derma. Walaubagaimanapun untuk aset wakaf, penyahiktirafan boleh berlaku apabila berlakunya istibdal. Walaupun pada dasarnya Mazhab Syafi'e tidak membenarkan istibdal kerana pemilikan aset wakaf 'terhenti' selepas pewakafan, pendekatan semasa telah mengharuskan dengan merujuk kepada Mazhab Hanbali. Contohnya Fatwa di negeri Kelantan pada tahun 1995 telah menyatakan dengan jelas bahwa istibdal harta wakaf adalah dibenarkan iaitu dengan mengguna pakai mazhab Hanbali. Fatwa yang sama dikeluarkan di Wilayah Persekutuan iaitu pada tahun 1993 dan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-41 yang bersidang pada 3-4 Nov 1996 telah membincangkan langkah-langkah membangunkan hartanah wakaf MAIN dan mencadangkan penggunaan mekanisma istibdal untuk tujuan pembangunan aset wakaf. Untuk tujuan istibdal, aset yang berkaitan atau lebih spesifik adalah harta tak alih iaitu tanah dan bangunan hendaklah dibuat penilaian untuk mendapatkan nilai saksama. Ini adalah bagi mendapatkan petunjuk untuk nilai harta pertukaran atau pertimbangan tunai (cash consideration) sekiranya aset baru belum dapat ditentukan.

5.2 Isu-isu Berkaitan Pengukuran

Tujuan Aset Yang Dipegang

Asas pengukuran aset di MAIN sangat bergantung pada tujuan aset yang dipegang. Secara umum, terdapat dua objektif untuk memegang aset, iaitu, untuk menjana keuntungan (tujuan komersial) atau untuk memberi khidmat kepada komuniti (tujuan sosial, tanpa niat keuntungan). Sekiranya ia dipegang untuk tujuan komersil, maka asas pengukuran adalah sama dengan perniagaan biasa, iaitu nilai saksama dalam bentuk harga pasaran, jika ada.

Walau bagaimanapun, bagi aset yang dipegang tanpa niat untuk menjana keuntungan, ianya mungkin lebih sesuai untuk diukur mengikut kos sejarah seperti kos pengambilalihan, kos pembinaan masjid, rumah kebajikan atau pun mengambil kira kos nominal (seperti tanah

perkuburan).

Kos “Normal” Atau Kos Optima

Bagi menangani masalah kemungkinan wujudnya ketirisan dalam mengukur nilai aset, adalah perlu bagi sesuatu aset itu diukur mengikut kos optimum. Ini bagi mengelakkan penilaian kos secara berlebihan yang mungkin disebabkan oleh ketidakcekapan. Aset yang diperoleh iaitu aset yang dibina sendiri adalah contoh-contoh aset yang mungkin terlibat dibawah peruntukan diatas. Sebarang kos berlebihan daripada kos optimum operasi biasanya dikecualikan daripada kos aset. Kos berlebihan ini dianggap sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia berlaku. Ianya tidak boleh diiktiraf di bawah KW Zakat atau KW Wakaf. Sebaliknya, kos berlebihan tersebut hendaklah diiktirafkan di bawah dana yang lebih umum tujuannya seperti dana sumber am atau dana baitulmal. Peruntukan ini dicadangkan bagi menepati prinsip syariah dalam memaksimumkan pengagihan zakat kepada asnaf dan penerima wakaf dan bahagian amil atau pemegang amanah harus diminimumkan. Ini juga menekankan pentingnya institusi WZB beroperasi pada tahap yang optimum (terbaik). Begitu juga dengan kerugian yang tidak normal. Kerugian tersebut haruslah diiktiraf dibawah dana sumber am atau pun dalam dana baitulmal. Sebagai contoh, piawaian berkaitan dengan inventori di mana kos yang berlebihan di atas kos pembelian atau pembinaan aset harus dianggap sebagai perbelanjaan untuk tempoh tersebut. Ini adalah selari dengan prinsip untuk memaksimumkan agihan dana kepada asnaf zakat dan penerima wakaf.

Nilai Saksama

Secara umumnya aset PPE dan IP perlu diukur pada nilai saksama bersesuaian dengan piawaian-piawaian lain yang sedia ada. Namun penumpuan dalam menggunakan nilai saksama (harga semasa) adalah lebih diberatkan bagi IP seperti hartanah baitulmal dan hartanah KW Wakaf yang bertujuan untuk pelaburan. Bagi hartanah yang tidak bertujuan komersial, nilai hartanah tersebut boleh menggunakan kos perolehan atau kos pembinaan. Ini termasuk bangunan sekolah, kompleks asnaf, masjid dan juga aset sosial (tidak termasuk tanah perkuburan). Meletakkan nilai pada aset tersebut bukanlah bertujuan untuk menjual aset itu tetapi ianya lebih kepada memenuhi akauntabiliti pemegang amanah.

Tanah Perkuburan

Bagi tujuan tanah perkuburan pula, terdapat keperluan untuk ianya diasingkan dari harta sosial seperti diatas. Bagi tujuan ini, adalah dicadangkan nilai nominal digunakan kecuali terdapat keperluan khas untuk membuat binaan tambahan dikawasan perkuburan tersebut. Perkara ini perlulah dibincangkan dari segi hukumnya terdahulu, yakni samada binaan tambahan dikira sebagai aset atau cuma perbelanjaan hangus. Tambahan pula menurut perspektif Islam, adalah kurang digalakkan untuk membina binaan kekal ditanah perkuburan. Oleh itu tanah perkuburan adalah disyorkan diukur pada kadar nominal.

Aset Biologi

Aset biologi yang bertujuan untuk memberikan hasil kepada MAIN perlu diukur mengikut tujuan aset itu dipegang. Sepertimana yang disyorkan dalam Malaysian Financial Reporting Standard (MFRS), sebarang perbelanjaan bagi aset biologi sebelum ianya matang akan dipermodalkan. Oleh itu pengukuran aset akan turut termasuk sebarang perbelanjaan modal selagi aset belum matang. Apabila aset telah matang, yakni mengeluarkan hasil, perbelanjaan akan dikira sebagai perbelanjaan pada tahun itu yang akan diakaunkan didalam Penyata Prestasi Kewangan.

Rosotnilai

Sepertimana yang telah dibincangkan dibahagian sebelumnya, secara umumnya konsep rosot nilai tidak bercanggah dengan prinsip syariah berkaitan pengukuran nilai aset. Konsep rosot nilai boleh diguna pakai dalam pengukuran aset-aset berkaitan wakaf, zakat dan baitulmal. Sebagai contoh, bangunan dan tanah wakaf boleh berkurangan dari segi nilainya sekiranya terdapat kejadian yang mengurangkan nilai aset wakaf tersebut seperti kebakaran bangunan wakaf dan banjir teruk yang merosakkan tanah wakaf tersebut. Sekiranya terdapat petunjuk bahawa nilai aset berkurangan, aset tersebut perlu dinilai semula pada "recoverable amount". Memandangkan aset tersebut ialah aset penjana bukan tunai nilaian "recoverable amount" perlu dinilai pada "recoverable service amount". Peruntukan ini relevan kepada aset Wakaf, Zakat dan Baitulmal. Khusus pada zakat, perkembangan semasa menunjukkan institusi zakat melaburkan duit zakat dengan pembelian aset sebagai kaedah pengagihan wang zakat. Kaedah ini dikenali sebagai pengagihan manfaat. Sebagai contoh, pembelian aset seperti enjin bot, van dan mesin yang diguna pakai oleh asnaf ialah satu kaedah pengagihan manfaat. Aset-aset tersebut haruslah diukur dengan menggunakan kaedah "recoverable amount" dan diiktirafkan sebagai aset WZB.

Bagi rosotnilai melibatkan aset tidak ketara, hanya "Intangible aset with indefinite useful lives" yang relevan untuk aktiviti Baitulmal. Berdasarkan kepada amalan perakaunan semasa dan perbincangan bersama pegawai dan akauntan MAIN, aset seperti di atas selalunya direkodkan oleh syarikat subsidiari MAIN. Oleh itu, kami membuat kesimpulan bahawa aset tidak ketara adalah tidak relevan untuk aktiviti Wakaf dan Zakat.

6.0 Kesimpulan Dan Cadangan

Secara umumnya kesemua MAIN membuat pengiktirafan dan pengukuran bagi aset-aset yang disahkan pemilikannya ke atas MAIN sepertimana yang dikehendaki oleh MPERS. Namun kaedah pengukuran adalah berbeza bergantung pada bagaimana aset tersebut diperolehi. Kategori aset yang telah diiktiraf oleh setiap MAIN dalam kajian ini ialah PPE dan IP. Cuma MAIN C yang masih belum lagi mengiktiraf hartanah pelaburan (IP) di dalam penyata kewangan 2016. Ini adalah disebabkan oleh penangguhan pemakaian MPERS sebagai dasar perakaunan di dalam penyediaan penyata kewangan MAIN C tersebut. Kami

menjangkakan dengan penggunaan MPERs bagi tahun 2017, MAIN C akan juga mengiktiraf hartanah pelaburan. Bagi kategori aset yang lain pula, pengiktirafan adalah tidak konsisten sama sekali. Walaupun MAIN B terlibat dalam sektor perladangan, aset biologi masih belum diiktiraf dalam penyata kewangan MAIN B tersebut. Bagi tujuan pengiktirafan aset biologi, asas yang digunapakai oleh MAIN C boleh dijadikan contoh oleh MAIN lain yang juga terlibat di dalam aktiviti yang sama. Pada masa kini, pengiktirafan aset biologi oleh MAIN C diukur pada nilai kos. Penggunaan model penilaian semasa mungkin boleh dipertimbangkan di masa akan datang. Kajian ini juga dapati bahawa pengiktirafan aset oleh MAIN C lebih komprehensif dari MAIN lain. MAIN C telah mengiktiraf hartanah, loji dan peralatan (PPE), hartanah pelaburan (IP), inventori dan aset tidak ketara (IA).

Dapatan kajian di mana setiap MAIN dalam sampel kajian ini telah menggunakan pakai perakaunan dana atau Kumpulan Wang [KW] (fund accounting) sangatlah memberangsangkan. Secara umum, amalan perakaunan bagi aset wakaf adalah berdasarkan kepada kedudukan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal di negeri yang berkaitan. Kedudukan MAIN sebagai pemegang amanah ini menjadikan aset-aset wakaf sebagai aset amanah dibawah pengurusan MAIN dan bukan menjadi hak milik MAIN. Di dalam mengakaunkan aset amanah ini, pengiktirafan adalah wajar dengan menggunakan kos sejarah pada amalan kebiasaannya. Walau bagaimanapun, aset wakaf akan dinilai mengikut harga pasaran sekiranya aset berkenaan perlu dibangunkan atau terpaksa melalui proses istibdal (pertukaran).

Bagi tujuan pengakaunan aset yang diperolehi menggunakan dana zakat pula, amalan semasa adalah berdasarkan kepada kedudukan MAIN sebagai amil (pengurus) yang menguruskan kutipan dan pengagihan zakat. Terdapat MAIN yang telah melantik entiti khusus untuk melaksanakan tanggungjawab pengutipan sahaja; tidak termasuk pengagihan zakat kepada asnaf. Terdapat juga MAIN yang menggunakan KW Zakat untuk membuat perolehan aset dan membuat pemindahan antara KW (inter-fund transfer). Perolehan aset ini telah difatwakan dan aset ini digunakan khusus oleh asnaf yang ditetapkan oleh amil untuk tempoh tertentu dan kategori asnaf ini kadangkala adalah agak umum. Manakala bagi aset baitulmal, aset-aset ini adalah merupakan aset yang diserahkan kepada MAIN melalui faraid, pemberian dari Pihak Berkuasa Negeri (PBN) atau perolehan oleh MAIN sendiri. Kesemua aset baitulmal MAIN diiktiraf di dalam KW Baitulmal.

Ada beberapa isu yang mungkin boleh menambah baik amalan perakaunan MAIN masa kini. Buat masa ini, hanya MAIN C dan MAIN D sahaja yang membuat pengiktirafan inventori mereka. Walau bagaimanapun, pengiktirafan inventori ini adalah terhad kepada inventori di dalam anak syarikat. Kami berpendapat pengiktirafan inventori boleh juga berlaku di dalam aktiviti WZB di dalam MAIN. Amalan semasa di dalam pembelian inventori di dalam aktiviti MAIN adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan hangus. Bagi aspek pengukuran pula, kesemua MAIN menggunakan model kos di dalam penyata kewangan mereka. Terdapat juga penggunaan kaedah penilaian semasa tetapi ini cuma terhad untuk urusan dalaman seperti terdapat keperluan untuk menjual aset MAIN. Kami berpendapat bahawa penggunaan model penilaian semasa mungkin boleh dipertimbangkan untuk tujuan penyediaan penyata kewangan. Satu

lagi perkara yang penting berkaitan kategori pengiktirafan ialah geran kerajaan. Lazimnya geran kerajaan hanya diiktiraf sebagai pendapatan MAIN. Kami berpendapat bahawa geran kerajaan dikategorikan mengikut tujuan pemberiannya. Sebagai contoh, jika geran kerajaan diberi untuk tujuan khusus untuk membangunkan aset tertentu, ia bolehlah dikategorikan sebagai aset tak ketara. Selanjutnya, kami ingin mengesyorkan asas pengiktirafan dan pengukuran aset tidak ketara yang diguna pakai oleh MAIN D dipertimbangkan di dalam membangunkan piawaian berkaitan aset tidak ketara dimana aset tersebut telah dimasukkan dalam KW Sumber Am. Sila lihat perincian yang jelas yang telah diterangkan dalam "Dapatan Kajian" di atas.

Kesimpulannya, satu isu penting yang patut diperbincangkan dalam pengiktirafan dan pengukuran aset MAIN ialah konsep kebarangkalian dan ketidakpastian. Berdasarkan pendapat yang telah dibincangkan, kami percaya bahawa penggunaan kebarangkalian dan ketidakpastian boleh diterima dari perspektif shariah. Walau bagaimanapun, penggunaan ketidakpastian tidak harus berlebihan. Sebagai contoh, penggunaan klausa seperti "perubahan jangka panjang yang signifikan" atau "masa depan terdekat" adalah sangat subjektif. Oleh itu, kami cadangkan penggunaan istilah sebegini perlu diperhalusi dan kegunaannya dihadkan.

Rujukan

- Al-Fayruz Abadi. 1995. *Al-Qamus al-Muhit*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Kasani, A.M.A. 1986. *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Shara'i'*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Mawardi, A. H. A. 1996. *Al-Ahkam al-Sulthaniyah wa-Wilayat al-Diniyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Mawardi, A. i. M. 2005. *Al-Ahkam as-sultaniyyah: The laws of Islamic governance* (A. Yate, Trans.). London: Ta-Ha Publishers.
- Al-Nashmi, A. J. 1998. Bay` al-Ism al-Tijari, *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami*, 5(3), 2268-2354.
- Al-Sarakhsi, M.A.A. 1993. *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Uthmani, M.T. 1998. Bay` al-Huquq al-Mujarradah. *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami*, 5(3), 2353-2388.
- Al-Zuhayli, W. 1998. Bay` al-Ism al-Tijari, *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami*, 5(3), 2389-2393. *Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions*. (2012). *Al-Ma'ayir al-Shar'iyyah*, Bahrain: Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions.
- Ibn Abidin, M.A.U. 1966. *Rad al-Muhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*. Matba'at Mustafa al-

Babiyyal-Halabiyy, Mesir, jil. 5, hlm.51

Ibn Abidin, M.A.U. 1992. Rad al-Muhtar ala al-Durr al-Mukhtar. Beirut: Dar al-Fikr.

Ibn Manzur, J.M.M. 1994. Lisan al-ÑArab. Beirut: Dar Sadir.

Ibn Nujaym, Z.I.M. n.d. Al-Bahr al-Ra'iq. n.p.: Dar al-Kitab al-Islami.

International Accounting Standard (IAS) 16, Property, Plant and Equipment. Retrieved from <https://www.iasplus.com/en/standards/ias/ias16> assessed March 31, 2018.

Islam, M.W. 1999. Al-Mal: The Concept of Property in Islamic Legal Thought. Arab Law Quarterly, 14(4), 361-368.

Mahamood, S. M. 2006. Perundangan Wakaf dan Isu-Isu Berbangkit. Konvensyen Wakaf Kebangsaan anjuran Jabatan Wakaf Zakat dan Haji, 12-14 September.

Majid, J. and Haliding, S. 2014. The Need for the Islamization of Knowledge in Accounting. Al-Iqtishad: Jurnal Ilmu Ekonomi Syariah, North America.

Roff, W. R. 1998. Patterns of Islamization in Malaysia, 1980s-1990s: Exemplars, institutions, and vectors. Journal of Islamic Studies 9(2), pp. 210-228.

Yusuf, A. 1990. Al-Mal fi al-Shariah al-Islamiyyah bayn al-kasb wa al-infaq wa al-tawrith, Dar al-Thaqafah li al-Nashr wa al-Tauzi', Kaherah.

